

Received	1 June 2022	Accepted	1 June 2022
Revised	1 August 2022	Published	1 December 2022
Volume	2, December 2022	Pages	47-57
http://doi.org/			
To cite: Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. 2022. Sumber al-Qur'an sebagai pendekatan pemanfaatan perbahasan falsafah sastra Islami. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 2 (December 2022) DOI: http://doi.org/			

Sumber al-Qur'an Sebagai Pendekatan Pemanfaatan Perbahasan Falsafah Sastra Islami

Sources of the Qur'an as an Approach to the Utilization of the Debate of the Philosophy of Islamic Literature

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi¹

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk melihat dan mengkaji peranan Al-Qur'an sebagai sumber tertinggi yang digunakan sebagai pendekatan pemanfaatan untuk kajian falsafah yang berteraskan kesusasteraan Islami. Dari satu sudut, selain fungsi Al-Qur'an yang bertindak sebagai 'dustur', 'huda', 'furqan' dan 'syifa', ia juga boleh melangkaui kepada suatu peringkat pengaplikasian atau pengadaptasian sebagai pendekatan pemanfaatan yang digunakan sebagai kerangka perbahasan falsafah dalam sastra Islami secara khusus dengan syarat menggunakan kaedah 'istinbat' sebagai instrumen utama. Ini tidak lain adalah untuk menjaga kesucian dan ketinggian Al-Qur'an sebagai kalamullah yang tidak ada keraguan padanya. Justeru, makalah ini telah menggunakan kaedah induktif dengan menjadikan ayat pertama daripada surah al-Nur sebagai asas penting kepada pembinaan elemen pendekatan pemanfaatan. Hasil kajian telah menemukan bahawa terdapat tiga penamaan elemen yang boleh dibentuk daripada ayat tersebut iaitu elemen sumber, elemen prinsip dan yang terakhir elemen matlamat dan seterusnya boleh dijadikan asas dan kerangka teori untuk kajian yang bersifat falsafah khusus dalam bidang kesusasteraan Islami.

Kata kunci: Al-Qur'an, pemanfaatan, surah al-Nur, sastra Islami, istinbat

¹ Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi (Corresponding Author), Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. e-Mail: adiamzar@usim.edu.my

Abstract

This paper aims to look at and examine the role of the Qur'an as the highest source used as an expansion approach for the study of philosophy based on Islamic literature. On the one side, in addition to the functions of the Qur'an acting as 'dustur', 'huda', 'furqan' and 'shifa', it can also extend to a stage of application or adaptation as an expansion approach used as a philosophical debate framework Islamic literature in particular provided the use of the 'istinbat' method as the main instrument. It is none other than maintaining the purity and stature of the Qur'an as a deity without any doubt. Thus, this paper has used the inductive method by adopting the first verse of surah al-Nur as an important foundation for the construction of expansion approach elements. The results of the study have found that there are three naming elements that can be formed from the text, namely, the source element, the principle element and the last element of the goal and can thus serve as the basis and the theoretical framework for the study of philosophy specific to the field of Islamic literature.

Keywords: *Al-Qur'an, expansion, surah al-Nur, Islamic literature, istinbat.*

Pengenalan

Secara umumnya makalah ini membahaskan berkenaan peranan Al-Qur'an sebagai sumber tertinggi perundangan dan perlembagaan Islam yang diadaptasikan dalam konteks pemanfaatan perbahasan dalam ruang lingkup sastra Islami. Ia melibatkan satu kajian penerokaan Al-Qur'an sebagai sumber yang berfungsi sebagai satu pendekatan, model, kerangka teori dan tunjang yang dijadikan asas dalam perbahasan falsafah sastra Islami yang melibatkan pandangan pelbagai tokoh sastra Islami dari latar budaya yang berbeza.

Dalam kajian ini, pemilihan ayat pertama daripada surah al-Nur sangat relevan untuk dikaitkan dengan perbahasan falsafah sastra Islami berdasarkan kepada beberapa justifikasi yang akan dibahaskan selepas ini. Namun sebelum itu, akan disoroti terlebih dahulu mengenai lima segmen penting iaitu konsep pemanfaatan sebagai pendekatan, al Qur'an sebagai sumber pendekatan pemanfaatan, elemen pendekatan pemanfaatan, justifikasi elemen pendekatan pemanfaatan dan yang terakhir kesimpulan.

Konsep Pemanfaatan Sebagai Pendekatan

Bahagian ini menjelaskan secara terperinci mengenai pemanfaatan yang digunakan sebagai pendekatan dalam kajian ini. Menyentuh mengenai manfaat ataupun lebih jelas disebut sebagai konsep pemanfaatan, menurut Kamus Dewan ia membawa pengertian sebagai perihal atau perbuatan memanfaatkan bersumberkan kata akarnya, iaitu manfaat yang membawa maksud guna, faedah, untung atau laba (Kamus Dewan 2013:992-993). Secara umumnya, pemanfaatan boleh diertikan dan difahami sebagai

satu perbuatan yang mendatangkan faedah dan kebaikan kepada si pelaku dan orang lain secara amnya. Islam secara dasarnya merupakan agama yang sangat mementingkan manfaat ataupun faedah kepada para penganutnya.

Hal ini dibuktikan dengan keputusan Nabi Muhammad S.A.W kepada umatnya pada akhir zaman sebagai pembimbing ke arah mentauhidkan Allah S.W.T serta mengeluarkan mereka daripada kesesatan dan kegelapan. Inilah merupakan sebesar-besar manfaat yang dikecapi oleh manusia bertitik tolak dengan keputusan Nabi Muhammad S.A.W sebagai insan yang bertanggungjawab menyebarkan risalah Islam di muka bumi ini dan juga sebagai penyebar rahmat ke seluruh alam dan sekalian manusia.

Menyentuh mengenai manfaat atau pemanfaatan dalam urusan seharian manusia, secara dasarnya Islam amat menitikberatkan konsep ini dalam segenap urusan dan pekerjaan yang dilaksanakan oleh manusia atau seseorang itu. Dalam aspek pengurusan masa sebagai contoh, Islam amat mementingkan pengurusan dan penggunaan masa yang bijak oleh seseorang itu agar masa yang diperuntukkan selama 24 jam sehari itu dapat dimanfaatkan secara optimum dan sebaik mungkin. Hal ini bagi mengelakkan seseorang itu daripada terjerumus kepada pembaziran masa yang mungkin digunakan kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah dan tidak mendatangkan manfaat kepada dirinya. Dalam konteks ini, Allah S.W.T sendiri telah berfirman dalam surah al-‘Asr mengenai kepentingan masa untuk dimanfaatkan kepada keseluruhan manusia dalam perkara-perkara yang hanya mendatangkan kebaikan dan memberi amaran yang keras kepada penyalahgunaan masa terhadap perkara yang sia-sia.

Dalam aspek lain pula seperti pendidikan, pemanfaatan jelas terbina melalui hubungan yang melingkari antara guru sebagai pendidik dan juga kepada pelajar sebagai orang yang dididik. Menerusi perkaitan ini, manfaat yang diperoleh apabila pendidik itu bertindak memindahkan ilmu kepada pelajar tersebut melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan pemindahan ilmu tersebut, secara tidak langsung seseorang pelajar itu memperoleh manfaat daripada guru itu berupa ilmu pengetahuan yang menjadikannya sebagai seorang yang berilmu dan mempunyai karisma yang tinggi. Malahan, ada Hadith yang telah memperakui sebaik-baik manusia adalah orang yang mempelajari al-Qur’an dan kemudiannya dia mengajarkan pula ilmu tersebut kepada orang lain. Jelas di sini menunjukkan intipati utama Hadith ini adalah berkaitan manfaat atau kebaikan yang boleh diberikan kepada orang lain melalui ilmu yang dipelajari. Hadith tersebut boleh dilihat seperti di bawah (Al-‘Asqalani 2000):

حدثنا حجاج بن منهال حدثنا شعبة قال: أخبرني علقمة بن مرثد سمعت سعد بن عبيدة عن أبي عبد الرحمن السلمي عن عثمان رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ((خيركم من تعلم القرآن وعلمه. قال: وأقرأ أبو عبد الرحمن في إمرة عثمان حتى كان الحجاج، قال: وذلك الذي أقعدني مقعدي هذا.))

Terjemahan:

Telah menceritakan kepada kami Hujjaj bin Minhal telah menceritakan kepada kami Syu'bah berkata: 'Alqamah bin Marsad telah memberitahu aku bahawa aku mendengar Saad bin Ubaidah dari Abi Abdul Rahman al-Sulami dari Uthman r.a dari Nabi S.A.W bersabda: "Sebaik-baik di kalangan kamu adalah mereka yang belajar tentang Al-Qur'an dan mengajarkannya semula. Berkata Abu Abdul Rahman kepada Uthman sehinggalah kepada Hujjaj, berkata: Engkau telah memperdudukkanku dengan tempat dudukku itu".

Selain itu, pemanfaatan juga jelas dalam pembinaan undang-undang Islam. Sebagai contoh, Islam melarang penganutnya untuk melakukan persetubuhan di luar ikatan perkahwinan ataupun berzina. Hal ini kerana apabila wujud anak yang lahir hasil daripada persetubuhan haram tersebut, maka banyak implikasi dan permasalahan yang akan timbul seperti hak penjagaan, hak pemberian nasab, hak pemberian wali, hak perwarisan harta pusaka dan banyak lagi implikasi yang akan timbul kesan daripada penzinaan tersebut. Justeru, bagi mengelakkan berlakunya kerosakan tersebut, Islam telah menetapkan larangan penzinaan tersebut sebagai langkah pencegahan bagi umat Islam secara khususnya. Secara tidak langsung, menerusi larangan daripada Allah S.W.T ini, umat manusia telah mendapat manfaat dan kebaikan sekaligus nasab dan keturunan manusia akan terpelihara.

Begitu juga apabila Islam menetapkan hukuman potong tangan bagi yang mencuri, ia sebenarnya adalah pendidikan dan pengajaran yang diterapkan oleh Islam dan bukanlah semata-mata untuk menghukum. Apabila seseorang itu takut dan gerun terhadap hukuman potong tangan tersebut secara tidak langsung akan mengelakkan seseorang itu daripada terjerumus daripada melakukan perbuatan tersebut. Justeru, manfaat yang jelas telah diperoleh daripada penetapan hukum potong tangan tersebut iaitu pengajaran dan keinsafan. Ia juga boleh dilihat sebagai hikmah di sebalik penetapan hukuman tersebut yang secara zahirnya memberi banyak manfaat dan kebaikan kepada manusia tersebut.

Berkisar pula mengenai pemanfaatan daripada aspek pensejarahan, antara noktah penting yang boleh diambil adalah nilai pengajaran dan iktibar yang berlaku yang boleh dimanfaatkan untuk generasi yang mendatang. Antara contoh terbaik yang boleh dijadikan sebagai sandaran kepada pengambilan manfaat ini adalah terhadap apa yang telah berlaku dalam pensejarahan Islam yang lampau membabitkan perpecahan umat Islam kepada beberapa golongan dan puak selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. Antara beberapa fenomena yang berlaku selepas era kewafatan Nabi Muhammad S.A.W yang boleh dilihat secara jelas adalah pada kemunculan golongan yang murtad pada pemerintahan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq, kekacauan yang berlaku pada era Khalifah Uthman ibn Affan yang telah membawa kepada pembunuhan beliau, peperangan Siffin yang berlaku pada era Khalifah Ali yang telah mengakibatkan berlakunya perpecahan yang paling rumit dalam sejarah Islam sehingga lahirnya golongan Syiah, Khawarij dan sebagainya (Hassan Ibrahim 1987:90-160).

Kesemua yang berlaku dalam lipatan sejarah Islam yang lampau ini merupakan iktibar dan pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam semasa dan yang

mendatang agar keharmonian dan perpaduan sesama manusia sentiasa dititik beratkan bagi mengelak kemudaratan yang lebih besar berlaku akibat pengabaian pemanfaatan terhadap aspek pensejarahan. Oleh demikian, manfaat terbesar yang diperoleh khususnya dalam aspek pensejarahan ini adalah kepada penyediaan nilai-nilai murni dan berkualiti pada jati diri manusia untuk sentiasa bersiap sedia menghadapi cabaran yang besar pada hari-hari yang mendatang.

Menyentuh pula berkenaan pemanfaatan dalam al-Qur'an, secara zahirnya al-Qur'an adalah berfungsi sebagai dustur atau perlembagaan kehidupan untuk melestarikan kehidupan manusia ke arah kebaikan dan kesempurnaan. Dalam al-Qur'an telah disebut sifat atau nama al-Qur'an lain iaitu al-furqan yang bermaksud pembeza antara yang hak dan yang batil sepertimana yang telah difirmankan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Furqan (25:1). Dalam meneliti perbahasan ini, terdapat satu instrumen yang cukup penting untuk dijelaskan yang mewakili kepada pemanfaatan yang boleh diperoleh daripada al-Qur'an. Instrumen yang dimaksudkan itu ialah berkaitan dengan al-qasas al-qur'ani. Menyentuh mengenai al-qasas al-qur'ani, ia merupakan instrumen penting yang memaparkan segala kisah yang diceritakan dalam Al-Qur'an berkaitan dengan sejarah nabi-nabi dan umat yang terdahulu yang boleh diambil manfaat dan pengajaran untuk umat manusia yang terkemudian. Al-Daqr (2007:32-57) dalam mengembangkan lagi kepentingan al-qasas al-qur'ani ini telah menyenaraikan tiga manfaat besar yang boleh diambil daripada al-qasas al-qur'ani ini iaitu manfaat dari aspek akidah, aspek mempertahankan risalah yang dibawa oleh Nabi dan Rasul dan yang terakhir manfaat dari aspek petunjuk dan hidayah. Keseluruhannya, manfaat daripada al-Qur'an ini menerusi instrumen al-qasas al-qur'ani adalah satu pemerolehan dan faedah yang cukup besar kepada umat manusia kerana ia datang terus daripada Allah S.W.T dalam bentuk ancaman, galakan dan juga suruhan.

Secara kesimpulannya, pemanfaatan telah melatari dalam segenap aspek kehidupan manusia dalam pelbagai perkara termasuklah yang telah dibincangkan secara panjang lebar sebelum ini. Ini juga termasuk dalam aspek kesusasteraan khususnya apabila ia melibatkan perkaitan al-Qur'an untuk dimanfaatkan sebagai kerangka teoritikal atau pendekatan utama dalam sesuatu kajian. Oleh yang demikian, perbahasan seterusnya akan melihat dengan lebih dekat lagi berkenaan al-Qur'an sebagai sumber tertinggi Islam yang dijadikan sebagai sumber pendekatan pemanfaatan dalam kajian berkaitan falsafah kesusasteraan.

Al-Qur'an Sebagai Sumber Pendekatan Pemanfaatan

Dalam Islam, al-Qur'an merupakan perlembagaan yang tertinggi menaungi secara langsung mahupun tidak langsung terhadap peradaban manusia yang bergelar muslim ataupun sebaliknya. Dalam konteks mereka yang bergelar muslim ataupun yang diikat dengan ikatan tauhid kepada Allah S.W.T, mereka secara khususnya dipandu dengan panduan wahyu al-Qur'an yang berfungsi sebagai sumber hukum dan perundangan, sumber ilmu dan juga sumber hidayah. Manakala bagi yang bukan muslim, al-Qur'an bertindak sebagai pencetus dan pembuka jalan kebenaran melalui peringatan, galakan, suruhan mahupun juga sebagai amaran untuk mereka berfikir dan merenungi mengenai hakikat kebenaran yang diperintahkan oleh Allah S.W.T

menerusi al-Qur'an. Realitinya, dalam memikul dan memangku amanah menjulang obor kebenaran ini, Allah S.W.T telah mentaklifkan Rasulullah S.A.W sebagai insan yang bertanggungjawab untuk memandu manusia beriman kepada-Nya serta mengeluarkan mereka daripada sisi kegelapan dan kejahatan seperti mana yang telah dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Nahl (16:36).

Realiti kebenaran dan kewibawaan al-Qur'an sebagai sumber ilmu dan hidayah kepada sekalian manusia merupakan sesuatu yang tidak perlu diragui sama sekali. Hal ini secara jelas telah difirmankan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah yang telah menyifatkan bahawasanya al-Qur'an itu tidak perlu diragui dan disangsi akan kebenaran risalahnya. Ia juga mampu menjadi penyembuh, petunjuk serta rahmat kepada orang-orang yang beriman sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah S.W.T dalam ayat ke-10 dalam surah Yunus (10:10). Secara keseluruhannya, keberadaan al-Qur'an pada kedudukan wahyu yang tertinggi seharusnya dimanfaatkan dengan sebaiknya dengan mempraktikkan secara menyeluruh terhadap isi kandungannya sebagai sumber utama pemerolehan ilmu mahupun hidayah. Hal ini turut dijelaskan menerusi ayat ke-29 dalam surah Saad yang memperihalkan berkenaan kitab al-Qur'an yang mengandungi banyak faedah dan juga manfaat yang boleh diambil oleh golongan-golongan manusia yang sentiasa berfikir.

Dalam konteks kajian ini yang memfokuskan al-Qur'an sebagai sumber pendekatan pemanfaatan, ia boleh difahami sebagai satu usaha atau tatacara untuk mengambil manfaat atau kelebihan daripada al-Qur'an sebagai sumber ilmu dan hidayah. Dalam konteks yang lebih jelas lagi, pemanfaatan yang dimaksudkan adalah dengan menjadikan ayat al-Qur'an sebagai pendekatan pemanfaatan bagi menjelaskan fenomena kajian agar ia dapat dilihat dengan lebih jelas dan komprehensif. Bertolak daripada gambaran awal ini, khususnya dalam mendepani konsep pemanfaatan dalam konteks sastera, Zulkarnain Mohamed (2010:128-130) telah menjelaskan terdapat dua konsep penting yang perlu difahami dan dihadap secara mendalam iaitu yang pertama istinbat dan yang kedua ialah iqtibas.

Merujuk kepada yang pertama iaitu istinbat, ia boleh difahami sebagai rumusan dan pengambilan pelajaran yang menitikberatkan kepada keyakinan tauhid dan penghormatan kepada al-Qur'an sebagai sumber tertinggi. Beralih kepada yang kedua pula iaitu iqtibas, ia boleh dilihat sebagai satu proses pengadaptasian kepada sesuatu bentuk yang tertentu yang cenderung terhadap elemen positif dan juga yang negatif. Contoh iqtibas yang bernada positif boleh dilihat menerusi karya Ashab al-Ukhduh yang dikarang oleh Mahmud Ahmad Najib yang mengambil inspirasi menerusi kisah yang terdapat dalam surah al-Buruj. Manakala contoh iqtibas yang bernada negatif boleh disaksikan secara jelas dalam novel Awlad Haratina yang banyak menyalahgunakan dan menghina penamaan nabi, malaikat dan sebagainya (Zulkarnain Mohamed 2010:128-130).

Menyentuh mengenai kajian ini, secara dasarnya ia telah mempraktikkan kaedah istinbat sebagai asas penting dalam penerokaan fenomena kajian ini yang ingin memperlihatkan sisi keupayaan ayat pertama daripada surah al-Nur untuk dijadikan sebagai asas penting perbahasan falsafah sastera Islami yang melibatkan tokoh-tokoh yang pelbagai. Hal ini kerana melalui kaedah istinbat, pemilihan dan penerokaan terhadap ayat pertama daripada surah al-Nur akan dilakukan bagi mencari perkaitan

dan hubungan yang wujud antara tiga elemen penting iaitu surah, persuratan dan sastera Islami. Seterusnya, kaedah istinbat akan dilakukan terhadap ayat pertama surah al-Nur tersebut dengan memberi penjustifikasian tiga penamaan elemen iaitu sumber, prinsip dan juga matlamat yang dibuat berdasarkan potongan ayat daripada surah tersebut.

Justeru, jelas di sini bahawa pendekatan pemanfaatan sumber, iaitu al-Qur'an telah dilakukan dengan menggunakan kaedah istinbat terhadap ayat pertama surah al-Nur tersebut sekaligus telah memperakui ketinggian al-Qur'an sebagai sumber yang tidak perlu diragui sama sekali. Kaedah istinbat dalam konteks ini juga boleh difahami sebagai satu kaedah atau mekanisme untuk merumus dan mengambil manfaat secara terus dan langsung daripada al-Qur'an. Oleh yang demikian, perbincangan dalam bahagian selanjutnya akan melihat dengan lebih dekat lagi berkenaan elemen-elemen yang menjadi indikator utama kepada pemilihan ayat pertama surah al-Nur sebagai sumber pendekatan pemanfaatan dalam kajian ini.

Elemen Pendekatan Pemanfaatan

Setelah menyoroti perbincangan sebelumnya mengenai pemanfaatan sebagai pendekatan dan juga al-Qur'an sebagai sumber pendekatan pemanfaatan, bahagian ini akan memfokuskan kepada elemen pendekatan pemanfaatan. Bertitik tolak daripada ini, secara asasnya kajian ini telah memanfaatkan al-Qur'an sebagai sumber utama dalam melihat fenomena atau isu yang ingin dikaji iaitu berkaitan dengan perbincangan falsafah dalam sastera Islami. Justeru, ayat al-Qur'an yang dipilih sebagai pendekatan pemanfaatan dalam kajian ini ialah surah al-Nur (24:1) yang dapat ditelusuri menerusi paparan di bawah:

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan:

Ini ialah satu “surah” yang Kami turunkan, dan Kami wajibkan hukum hukumnya, serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu beringat (mengamalkannya).

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh al-Maraghi dalam tafsirnya, beliau menyebut bahawa ayat pertama daripada surah al-Nur ini menjelaskan mengenai ketetapan dan kewajipan yang telah Allah S.W.T tentukan kepada sekalian manusia yang terdiri daripada hukum-hakam agama bagi menjamin kemaslahatan dan kebaikan kehidupan di dunia dan di akhirat. Hukum-hakam ini juga bukan sekadar hukuman, tetapi merupakan satu bentuk penjagaan dan pemeliharaan kepada manusia itu sendiri bagi mengelakkan terdedah kepada pelbagai musibah dan keburukan. Di samping itu juga, al-Maraghi turut menjelaskan bahawa ketetapan yang diturunkan oleh Allah S.W.T itu juga turut melibatkan hubungan sesama manusia yang melibatkan adab-adab tertentu seperti adab berziarah, menjaga perilaku dan tutur kata. Secara keseluruhannya, beliau merumuskan bahawa ayat pertama ini merupakan sebahagian daripada pemberitahuan mengenai hukum-hakam yang wajib bagi manusia ikuti dan taati (Al-Maraghi 1998:320).

Selain itu, ahli tafsir lain antaranya Sa'id Hawwa juga menjelaskan tafsiran ayat pertama surah al-Nur tersebut mengandungi satu perintah yang mesti dilaksanakan oleh manusia kerana di situ terdapat kefardhuan dan hukum-hakam yang kesemuanya merupakan sebahagian intipati yang terdapat dalam Islam (Sacid Hawwa 2003:3685). Al-Zuhayli juga dalam tafsirnya pada ayat pertama surah al-Nur ini menjelaskan hukum-hakam dan ketetapan ini sebagai satu peringatan kepada golongan yang beriman untuk mendidik jiwa dan diri mereka serta untuk mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T (Al-Zuhayli 1998:122). Jelas di sini menunjukkan bahawa ayat pertama surah al-Nur ini merumuskan mengenai ketetapan dan hukum-hakam yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T bersertakan dengan keterangan yang jelas agar manusia dapat mengambil peringatan dan pengajaran.

Berdasarkan ayat pertama surah al-Nur ini, antara faktor pemilihannya sebagai sumber pendekatan pemanfaatan adalah pada perkataan pertama dalam ayat tersebut iaitu 'surah'. Hal ini adalah kerana istilah 'surah' (سورة) yang dipetik menerusi ayat di atas merupakan petunjuk atau indikator utama yang menghubungkannya dengan istilah 'persuratan'. Seterusnya istilah 'persuratan' ini juga sangat hampir kepada istilah 'sastra Islami'. Hal ini juga dinyatakan oleh Adli Yaacob dalam kajian beliau mengenai analisis ringkas mengenai konsep dan teori sastra Islami di Malaysia. Dalam kajian tersebut, beliau menyatakan bahawa istilah 'persuratan' berasal daripada perkataan Arab iaitu 'surah' dan seterusnya beliau menjadikan ayat pertama surah al-Nur tersebut sebagai dalil utama yang menghubungkaitkan istilah 'surah', 'persuratan' dengan 'sastra Islami'. Beliau juga menyatakan bahawa 'surah' juga membawa makna tempat turun yang suci dan mempunyai ketinggian martabat berdasarkan syair penyair terkenal Arab iaitu al Nabighah al-Zubyan (Adli Yaacob 2007:30-31):

أمل تر أن هلا أعطاك سورة * ترى كل ملك دوهنا يتذبذب

Berdasarkan syair ini, Adli Yaacob (2007:31) mengemukakan pandangan bahawa istilah 'persuratan' yang berasal daripada 'surah' itu membawa makna yang lebih bererti apabila ia bukan hanya menekankan soal bentuk dan struktur semata-mata, bahkan mempunyai isian wacana yang tinggi seperti yang terdapat dalam Al-Qur'an. Oleh demikian, kajian ini memilih istilah 'surah' yang dipetik menerusi surah al-Nur (24:1) kerana wujud jaringan yang signifikan dengan kedua-dua istilah lain yang telah disebutkan sebelum ini iaitu 'persuratan' dan juga 'sastra Islami'. Justeru, jaringan yang wujud ini sebenarnya telah menatijahkan satu konotasi yang positif terhadap kajian ini yang memfokuskan kepada perbahasan prinsip Islam dalam kritikan sastra sebagai induk utama yang mencernakan buah fikiran dan idea yang sedia wujud dalam pemikiran tokoh yang dikaji.

Secara umumnya, bilangan istilah 'surah' yang wujud dalam al-Qur'an adalah sebanyak sembilan tempat yang terletak pada kedudukan dalam surah-surah yang berbeza. Surah-surah berkenaan ialah surah al-Baqarah (2:23), al-Taubah (9:64; 86; 124; 127), Yunus (10:38), al-Nur (24:1), al-Zukhruf (43:53) dan yang terakhir Muhammad (74:51). Berdasarkan penelitian terperinci yang dilakukan terhadap kesemua istilah 'surah' yang wujud dalam surah-surah berikut dengan merujuk kepada terjemahan al-Qur'an, didapati kesemua istilah 'surah' berkenaan membawa

pengertian dan maksud yang sama iaitu surah yang dapat difahami sebagai sebahagian daripada al-Qur'an. Walaupun demikian, terdapat istilah 'surah' yang membawa pengertian yang agak berlainan iaitu merujuk kepada surah al-Zukhruf (43:53) yang membawa pengertian sebagai gelang-gelang. Meskipun terdapat satu istilah 'surah' yang berlainan terjemahannya, majoriti terjemahan pada surah-surah yang lain berkongsi pada satu makna yang disepakati secara literal iaitu membawa pengertian sebagai surah daripada al-Qur'an yang mempunyai sebanyak 114 surah.

Walaupun majoriti terjemahan istilah 'surah' merujuk kepada satu makna pengertian yang sama, namun dalam pemilihan sumber pendekatan pemanfaatan perlu wujud satu kesinambungan hubungan yang signifikan dengan fokus atau isu yang menjadi tumpuan kajian. Hal ini penting bagi memudahkan isu kajian itu difahami dengan mudah seterusnya permasalahan kajian dapat diselesaikan dengan jayanya. Berdasarkan kajian ini, ayat pertama surah al-Nur dipilih sebagai sumber pendekatan pemanfaatan kerana ayat ini menjustifikasikan matlamat kajian ini dilakukan terutamanya dalam mencerakinkan elemen-elemen perbahasan falsafah sastera Islami kepada elemen sumber, prinsip dan matlamat. Pemilihan ayat ini juga adalah berdasarkan keterangan daripada kajian Adli Yaacob (2007) yang juga memilih ayat pertama daripada surah al Nur ini untuk dijadikan sebagai asas untuk dihubungkan dengan 'persuratan' dan seterusnya dihubungkan kepada 'sastera Islami'. Adapun ayat-ayat lain selain surah al-Nur (24:1) tidak menggambarkan secara tepat dan objektif mengenai isu yang ingin dikaji dalam kajian ini. Pemilihan ayat pertama surah al-Nur ini juga dapat menghubungkan secara tepat dengan objektif kajian yang bertujuan untuk memahami falsafah sastera Islami melalui pencerakinan kepada elemen-elemen yang telah ditentukan. Pentafsiran dan konotasi ayat juga dilihat seiring dan selari dengan fenomena yang menjadi tumpuan dalam kajian ini berbanding dengan ayat-ayat lain yang mengandungi istilah 'surah'.

Berbalik kepada pemaknaan istilah 'surah', jika dirujuk secara literal atau pada makna dari segi bahasa, asal istilah ini terbentuk daripada tiga perkataan utama iaitu (س - و - ر) yang membawa maksud naik atau tinggi (Ibn Faris 1999:115). Al-Jawhari (2007:523) dalam magnum opus beliau yang terkenal iaitu al-Sihhah, merungkaikan pengertian 'surah' sebagai satu asas daripada asas-asas yang berselerakan antara satu sama lain. Beliau juga mendefinisikan 'surah' sebagai satu asas yang membentuk binaan yang kukuh. Menurut pendapat para mufassirin atau ahli tafsir mengenai pengertian istilah ini dalam surah al-Nur (24:1) pula, antaranya al-Qanuji (1992:163) yang berpendapat bahawa 'surah' itu merujuk kepada tempat yang mulia dan agung. Oleh yang demikian, bahagian-bahagian yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an telah dinamakan sebagai 'surah' bagi mengiktiraf dan mengagungkan kemuliaan dan kebesaran mukjizat terbesar yang diutuskan kepada Rasulullah S.A.W. Ibn 'Asyur (1997:142) dalam karyanya al-Tahrir wa al-Tanwir pula berpendapat bahawa 'surah' itu merujuk kepada juzuk tertentu atau sebahagian daripada al-Qur'an yang mempunyai permulaan, pengakhiran dan bilangan ayat.

Nada yang sama dengan Ibn 'Asyur juga turut disuarakan oleh al-Zuhayli (1998:121) yang berpendapat bahawa pengertian 'surah' itu merujuk kepada sekumpulan ayat daripada ayat-ayat al-Qur'an yang dibatasi dengan permulaan dan pengakhiran yang diutuskan oleh Allah kepada Rasulullah melalui perantaraan Jibril

a.s. Malahan beliau juga turut menyatakan bahawa unsur al-balaghah yang terdapat dalam 'surah' itu menunjukkan kepada unsur ketinggian yang boleh diinterpretasikan sebagai satu bentuk kebesaran dan keagungan yang dikurniakan oleh Allah serta menjadi kelaziman untuk memelihara dan menjaga kesuciannya.

Ibn Kathir (1993:248) dalam tafsirnya juga berpandangan bahawa 'surah' itu merupakan satu bentuk penegasan dan peringatan yang diberikan oleh Allah untuk menjaga dan memeliharanya. Ini bertujuan untuk memuliakan kalamullah yang diturunkan oleh-Nya khusus untuk memberi panduan kepada umat manusia dan mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya hidayah yang terang. Berdasarkan penerangan yang telah diutarakan dengan terperinci mengenai istilah 'surah' daripada konteks bahasa dan tafsiran para ahli tafsir, dapat disimpulkan bahawa istilah 'surah' itu membawa suatu pengertian yang mulia, tinggi dan agung kerana 'surah' itu merupakan mesej dan perutusan yang datang terus daripada Allah kepada manusia melalui utusan-Nya iaitu Rasulullah.

Di samping itu, istilah 'surah' yang pada asasnya berasal dan berakar umbi daripada al-Qur'an turut dipinjam dan digunakan dalam bahasa Melayu sebagai perbendaharaan kata. Hal ini turut diakui oleh tokoh sastra Islami yang terkenal di Malaysia iaitu Shafie Abu Bakar yang mengungkapkannya dalam makalah yang ditulis dalam blog peribadi beliau yang berbunyi "Istilah surah yang juga boleh dibaca sebagai surat ini tidak saja terkenal di dalam bahasa Arab, bahkan keluar dari bahasa Arab. Misalnya ia juga terkenal dan digunakan di dalam bahasa Melayu yang istilah ini dikenali sebagai surat dan persuratan" (Shafie Abu Bakar 2015). Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa istilah surat atau persuratan berasal daripada bahasa Arab ataupun lebih tepat diambil daripada perbendaharaan kata al-Qur'an iaitu 'surah'. Jika ditinjau dan disoroti definisi 'surat' ini membawa pengertian kertas yang ditulis atau segala sesuatu yang tertulis atau tercetak (Kamus Dewan 2013:1548) manakala definisi 'persuratan' pula bererti perihal tulis menulis, kepustakaan atau kesusasteraan (Kamus Dewan 2013:1549). Di sini, kesimpulan awal yang dapat dibuat dan dilihat secara terus ialah wujud satu hubungan yang signifikan antara istilah 'surah' dan juga 'persuratan'.

Selain itu, pemaknaan 'surah' juga yang didasarkan kepada al-Qur'an membawa satu mesej penting berupa satu sistem 'kitabah' yang lengkap dan menjadi panduan untuk sekalian umat di muka bumi ini. Hubungan 'surah' dan 'persuratan' juga tidak dapat dipisahkan kerana genetik Islam telah memperikatkan kedua-duanya justeru fokus prinsip Islam dalam kritikan sastra yang ingin diterapkan dalam kajian ini amat berkaitan sekali dengan istilah 'surah' yang menjadi perbahasan di awal bahagian ini. Perkaitan pemaknaan atau dilalah istilah 'surah', 'persuratan' dan juga 'sastra Islami' pada realitinya mempunyai satu jaringan etimologi yang sangat kuat dan saling bergantung antara satu sama lain. Pemaknaan ini membawa isyarat dan konotasi yang lengkap melalui istilah 'surah' yang didasarkan oleh wahyu Ilahi yang berteraskan 'huda', 'al haq' dan 'al-furqan' yang membezakan antara hak dan batil. Hubungan istilah 'surah' dan sastra Islami juga mempunyai perkaitan yang sangat erat dan kukuh berikutan matlamat kritikan sastra berteraskan Islam juga ingin membawa manusia kepada Allah S.W.T dan Islam sebagai agama yang diredhai-Nya. Justeru, perkaitan pemaknaan hubungan ini yang menjadi justifikasi utama pemilihan

istilah ‘surah’ dalam surah al Nur (24:1) untuk dihubungkan dengan fokus utama kajian ini untuk mengkaji keupayaan ayat tersebut sebagai perbahasan kajian falsafah sastera Islami. Pertalian hubungan antara ketiga-tiga istilah ini dapat dilihat menerusi rajah di bawah.

Surah Persuratan

Sastera Islami

Hubungan istilah ‘*surah*’, ‘persuratan’ & ‘sastera Islami’

Justifikasi Elemen Pendekatan Pemanfaatan

Perbahasan kali ini akan melihat justifikasi elemen pendekatan pemanfaatan yang akan digunakan dalam merungkai perbahasan falsafah sastera Islami. Menyentuh mengenai pemilihan ayat pertama surah al-Nur ini, ia sangat berkait rapat dengan aspek falsafah dan pemikiran. Terdapat banyak kajian yang mengkaji berkenaan falsafah dan pemikiran namun kajian yang mempunyai perkaitan yang cukup signifikan dengan kajian ini antaranya kajian Azmul Fahimi (2012), Mohamad Zaidin (2013), Mohamad Zaidin et.al (2016), dan juga yang terakhir kajian Mohd Syahmir (2014; 2015). Berkaitan kajian Azmul Fahimi (2012), beliau telah memfokuskan kepada falsafah Ibn Miskawayh dalam mahakaryanya yang terulung iaitu *Tajarib al-Umam* dengan penumpuan diberikan kepada perbahasan epistemologi meliputi aspek skop, metode penulisan dan kerangka falsafah.

Kajian Mohamad Zaidin (2013) pula memperhalusi berkenaan falsafah dialog peradaban Badiuzzaman Said al-Nursi menerusi karya *Rasa'il al-Nur* dengan penekanan kepada pemanfaatan ayat ke-13 daripada surah al-Hujurat yang membentuk empat tema besar iaitu tema asas, prinsip, strategi dan matlamat. Begitu juga dengan kajian Mohamad Zaidin et.al (2016) yang mengaplikasikan kaedah pemanfaatan yang sama menerusi ayat daripada surah tersebut, namun fokus perbincangan kajian beliau lebih tertumpu kepada perbandingan antara dialog peradaban dan pertembungan peradaban. Manakala yang terakhir, kajian Mohd Syahmir (2014;2015) pula menganalisis konsep saintifik Ibn al Haytham dengan menggunakan kajian penerokaan berasaskan pemerincian terhadap aspek sumber, elemen saintifik, prinsip, fungsi dan matlamat penyelidikan.

Secara keseluruhannya, mesej yang ingin diketengahkan mengenai kelima-lima kajian ini ialah pendominasian dan pembinaan konseptual dalam mencerakinkan idea dan pemikiran tokoh-tokoh yang dikaji menerusi karya mereka. Hal ini secara langsung bertepatan dengan ‘nature’ kajian ini yang mengkaji Al-Qur’an sebagai sumber pendekatan untuk perbahasan falsafah sastera Islami. Dalam konteks kajian ini, kajian yang dilakukan oleh Mohamad Zaidin (2013) dan Mohamad Zaidin et.al (2016) dilihat cukup signifikan untuk dijadikan asas dan contoh terbaik kerana kedua-dua kajian ini turut memanfaatkan ayat al-Qur’an untuk dijadikan asas kepada penamaan elemen elemen yang kemudiannya dijadikan sebagai topik perbahasan dalam aspek pemikiran tokoh. Oleh yang demikian, penamaan elemen yang telah

dikenal pasti berdasarkan potongan ayat pertama surah al-Nur ialah elemen sumber, prinsip dan matlamat. Perincian seterusnya akan memperhalusi justifikasi pemilihan elemen sumber yang didasarkan oleh pandangan ahli tafsir dan sebagainya.

Elemen Sumber

سورة أنزلها

Maksudnya :

Ini ialah satu “surah” yang Kami turunkan

Berdasarkan potongan ayat di atas menerusi surah al-Nur (24:1), penamaan elemen sumber dipilih berdasarkan kepada beberapa asas dan justifikasi yang penting. Pertamanya, definisi sumber secara literal boleh difahami sebagai asal, mula atau punca (Kamus Dewan 2013:1541). Seterusnya perkataan (أنزلها) (berasal daripada (نزل) (yang mempunyai penambahan imbuhan)أ) pada perkataan tersebut yang memberi pengertian sebagai ‘menurunkan’. Pemaknaan perkataan (أنزلها) ini membawa maksud seolah-olah ada yang ‘menurunkan’ daripada sesuatu tempat atau kedudukan yang tinggi daripada kedudukan yang asal (Al-Syacrawi 2010:519). Pandangan ahli tafsir pula antaranya al Alusi dalam karyanya Ruh al-Macani menyifatkan perkataan ini merupakan penerangan ke atas sifat ‘surah’ untuk memperbesarkan dan mengagungkan kalamullah tersebut. Ini juga merupakan satu bentuk pengkhususan bahawa ‘surah’ itu merupakan penurunan daripada Allah S.W.T supaya menjadi panduan dan peringatan buat umat manusia keseluruhannya (Al-Alusi 1994:273).

Al-Zuhayli pula dalam tafsirnya menyebut bahawa (أنزلها) merupakan satu pemberian dan wahyu agung yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W. Beliau juga menyifatkan ungkapan ‘dengan penurunan’ itu membawa pengertian sebagai satu pergerakan dari atas ke bawah dan merupakan isyarat yang menunjukkan ketinggian yang merujuk kepada al-Qur’an yang merupakan milik dan kalamullah yang agung (Al-Zuhayli 1998:121). Penerangan dan huraian tersebut secara ringkasnya dapat memberi kefahaman yang mudah mengenai makna tafsiran perkataan (أنزلها) yang merujuk kepada penurunan al-Qur’an daripada Allah S.W.T kepada umat manusia. Hal ini juga dapat memberikan gambaran dan perlambangan yang signifikan bahawa al-Qur’an yang memiliki kemuliaan yang tinggi telah diturunkan ke atas manusia yang serba hina dan mempunyai banyak kelemahan. Bertitik tolak dengan kehinaan dan kelemahan ini yang menyebabkan manusia itu memerlukan satu bentuk panduan dan petunjuk agar dapat memandu mereka melayari kehidupan dengan redha Ilahi.

Dengan demikian, pemilihan penamaan elemen sumber bagi potongan ayat itu tadi memiliki kewajaran apabila dihubungkan pengertian sumber secara literal iaitu asal atau punca. Hal ini kerana sesuatu yang diturunkan atau dilepaskan semestinya mempunyai tempat atau punca asal ia diturunkan. Dalam keadaan ini, al-Qur’an tidak turun dengan sendirinya bahkan mukjizat teragung ini diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W melalui perantaraan Jibril A.S. Justeru, dapat difahami bahawa Allah S.W.T telah bertindak sebagai ‘tempat asal’, ‘punca’ ataupun ‘sumber’ al-Qur’an itu diturunkan kepada manusia. Dengan melihat kepada kewajaran

pemaknaan atau dilalah sumber secara literal dan tafsiran potongan ayat secara kontekstual, dapat dirumuskan satu hubungan yang mewajarkan penamaan elemen sumber dalam perbahasan falsafah sastra Islami dalam kajian ini untuk dilaksanakan.

Elemen Prinsip

وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ

Maksudnya:

Dan Kami wajibkan hukum-hukumnya, serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata

Potongan ayat yang kedua ini mewakili penamaan elemen prinsip yang dijustifikasikan melalui tafsiran para ahli tafsir mengenai potongan ayat ini. Definisi prinsip secara dasarnya ialah asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian dan tindakan. Ia juga boleh diinterpretasikan sebagai hukum (Kamus Dewan 2013:1232). Mengikut pandangan ahli tafsir mengenai potongan ayat ini, antaranya al-Qanuji (1992:164), beliau menafsirkan (وَفَرَضْنَاهَا) sebagai satu ketetapan hukum yang telah difardu dan diwajibkan ke atas manusia seperti larangan berzina, qazaf, li'an, menundukkan pandangan dan sebagainya. Al-Tabari pula dalam tafsirnya berpandangan bahawa *وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ* merujuk kepada satu ketetapan daripada Allah S.W.T yang meliputi perkara yang halal, haram dan hukuman had (Al-Tabari 2005:5972). Selain itu, ahli tafsir lain seperti al-Suyuti juga mentafsirkan *وَفَرَضْنَاهَا* sebagai satu kefarduan yang telah Allah S.W.T tetapkan, menghalalkan perkara yang diharamkan oleh-Nya, mengharamkan perkara yang diharamkan-Nya, menyuruh melakukan perkara yang halal dan melarang melakukan perkara yang haram. Beliau juga berpandangan dan mentafsirkan *وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ* sebagai satu ketetapan yang mengandungi asas halal, haram dan hudud ataupun hukuman had (Al-Suyuti 2000:36-37).

Ibn Kathir juga sependapat dengan pandangan al-Tabari dan al-Suyuti dalam mentafsirkan *وَفَرَضْنَاهَا* dengan membawa pengertian sebagai asas halal, haram, penyuruhan, larangan dan hukuman had. Manakala tafsiran *وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ* oleh beliau merujuk kepada satu bentuk penerangan, penjelasan dan interpretasi yang jelas (Ibn Kathir 1993:248). Yang terakhir, pandangan yang dikemukakan oleh al-Zuhayli juga membawa satu pengertian yang besar mengenai fungsi dan kewajaran potongan ayat ini apabila beliau mentafsirkan *بَيِّنَاتٍ* sebagai satu bentuk petunjuk dan pemaknaan yang terang dan jelas terhadap segala apa yang terkandung dalam hukum-hakam yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T (Al-Zuhayli 1998:122). Pentafsiran ini sememangnya membawa konotasi dan isyarat yang jelas yang membuktikan bahawa asas halal dan haram serta 'al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi al-munkar' menjadi satu prinsip dan panduan yang telah Allah S.W.T tetapkan kepada para hamba-Nya.

Huraian dan perincian panjang lebar yang telah dipetik menerusi pandangan dan tafsiran para ahli tafsir yang muktabar sememangnya telah menguatkan justifikasi pemilihan penamaan potongan ayat ini dengan penamaan elemen prinsip. Perkara ini

berikutan intipati tafsiran potongan ayat ini memperlihatkan satu bentuk penetapan yang telah Allah S.W.T tetap dan wajibkan ke atas para hamba-Nya di muka bumi ini yang meliputi perkara-perkara yang halal dan haram. Berpanduan kepada manusia yang beriman dan bertaqwa sepenuhnya kepada Allah S.W.T, mereka akan menjadikan halal dan haram sebagai satu prinsip dan asas untuk diikuti dan dijauhi serta menjadikannya sebagai garis sempadan yang jelas untuk membezakan antara kedua-duanya. Begitu juga berkaitan hukum-hakam yang telah ditetapkan oleh-Nya, manusia yang beriman akan menjadikan atau menetakannya sebagai satu prinsip dan asas yang paling awal untuk diikuti. Hal ini sebagai tanda mensyukuri segala kurniaan dan rahmat yang telah diberikan oleh Allah S.W.T.

Dengan merujuk kepada definisi prinsip yang membawa pengertian sebagai asas atau dasar yang membentuk satu pemikiran yang besar dan jitu, dapat difahami bahawa Islam sebagai satu-satunya agama yang diredhai Allah S.W.T telah menetapkan prinsip syariat yang dalamnya terkandung asas halal, haram dan hukuman had untuk panduan buat umat manusia di muka bumi ini. Oleh yang demikian, berdasarkan hubungan definisi prinsip secara literal dengan pengertian kontekstual potongan ayat *وَأَنزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ* dapat dirumuskan bahawa wujud jalinan dilalah atau pemaknaan yang menghubungkan antara kedua-duanya seterusnya menjustifikasikan penamaan elemen prinsip ini berasaskan potongan ayat di atas.

Elemen Matlamat

لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

Supaya kamu beringat (mengamalkannya).

Seterusnya, potongan ayat yang terakhir ini mewakili penamaan elemen matlamat. Definisi matlamat secara literalnya membawa pengertian sebagai sasaran atau sesuatu yang hendak dicapai (Kamus Dewan 2013:1009). Menurut pandangan ahli tafsir antaranya al-Zuhayli, beliau berpandangan *لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ* membawa mesej supaya sentiasa berhati-hati, beringat, berwaspada untuk melakukan perkara yang haram dan ditegah oleh Allah S.W.T. Perkataan *لعل* pada ayat tersebut juga membawa maksud sebagai satu bentuk persediaan (Al-Zuhayli 1998:122). Al-Tabari juga dalam tafsirnya menyebut bahawa potongan ayat terakhir daripada ayat pertama surah al-Nur itu menyuruh untuk betul-betul mengambil berat dan perhatian terhadap ayat-ayat yang mengandungi hukum hakam yang jelas yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T (Al-Tabari 2005: 5972). Jika ditinjau dan dihayati pengertian kontekstual daripada pandangan ahli tafsir seperti yang telah disebut, konotasi yang digambarkan seolah-olah suatu bentuk arahan dan penegasan daripada Allah S.W.T kepada manusia supaya mengambil berat atau mengambil peduli tentang arahan tersebut dan tidak sama sekali memandang enteng. Perkataan *لعل* ini juga membawa maksud sebagai harapan dan dalam konteks ini merupakan harapan Allah S.W.T untuk hamba-Nya agar sentiasa memperingati dan mengamalkan segala yang disuruh dan

meninggalkan apa yang dilarang. Tujuan atau matlamat akhir terhadap perintah Allah S.W.T tersebut adalah untuk menjadikan para hamba-Nya taat dan akur sekaligus menjadi orang yang beriman dan bertaqwa sebagai bekalan penting di akhirat kelak.

Secara umumnya, pemaknaan tersirat *لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ* boleh difahami sebagai satu bentuk hikmah yang Allah S.W.T janjikan kepada hamba-Nya jika mengamalkan segala yang diperintahkan-Nya. Dalam konteks ini, apabila kamu melaksanakan apa yang diperintahkan nescaya kamu akan memperoleh darjat dan kedudukan tertinggi di sisi Allah S.W.T. Dan sudah menjadi satu kemestian, memperoleh darjat tertinggi di sisi-Nya merupakan matlamat, sasaran atau ghaiah orang-orang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benarnya. Oleh yang demikian, dapat difahami secara simbolik hubungan pemaknaan literal matlamat yang membawa pengertian sebagai sasaran atau sesuatu yang hendak dicapai dengan pemaknaan kontekstual *لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ* sebagai satu hubungan yang mempunyai rangkaian yang signifikan. Atas kewajaran dan justifikasi ini, penamaan elemen matlamat mempunyai signifikasi yang jelas sebagai kerangka asas dalam perbahasan falsafah sastera Islami yang melibatkan kepelbagaian tokoh yang ingin dikaji.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pemilihan ayat pertama surah al-Nur ini sebagai pendekatan pemanfaatan dilihat tepat dan bersesuaian dengan fokus kajian untuk mencari kerangka perbahasan falsafah sastera Islami. Pertamanya, istilah ‘surah’ yang membawa mesej al Qur’an berupa wahyu terus daripada Allah S.W.T merupakan padanan yang paling tepat untuk disesuaikan bersama sastera Islami yang turut membawa tujuan dan maqasid yang sama untuk berdakwah kepada umat manusia dan mentauhidkan Allah S.W.T. Kedua, potongan ayat yang telah dipecahkan kepada tiga bahagian turut membawa pengertian kontekstual yang sepadan dengan definisi literal bagi elemen sumber, prinsip dan matlamat. Justifikasi padanan ini didasarkan secara terus melalui pandangan ahli tafsir yang muktabar bagi melihat kerelevanan potongan ayat tersebut dengan pemilihan penamaan elemen. Secara tidak langsung ini bertepatan dengan ‘nature’ kajian ini yang memfokuskan kepada perbahasan falsafah sastera Islami. Secara tepatnya, pendekatan pemanfaatan yang dibina daripada Al-Qur’an ini menerusi ayat pertama surah al-Nur ini boleh dijadikan sebagai tunjang kepada perbahasan falsafah sastera Islami di kalangan tokoh-tokoh di dunia Arab, alam Melayu dan juga boleh diperluaskan di negara-negara yang lain. Ia juga boleh dikembangkan melalui kajian falsafah perbandingan antara dua tokoh yang berbeza latar belakang budaya seterusnya menjadikannya tergolong dalam disiplin sastera bandingan.

Kesimpulannya, hasil dan cadangan kajian ini telah menemukan penamaan elemen-elemen utama dalam perbahasan falsafah sastera Islami berdasarkan daripada pengaplikasian ayat pertama surah al-Nur dan juga menjadikan kajian Mohamad Zaidin (2013) dan Mohamad Zaidin et.al (2016) sebagai sandaran yang menyokong pembentukan penamaan elemen tersebut.

Rujukan

1. Al-Qur’an al-Karim

2. Adli Yaacob. 2007. Satu analisis ringkas konsep dan teori sastra Islam di Malaysia. *Islamiyyat* 29:3-34.
3. al-Alusi, Abi al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud. 1994. *Ruh al-ma'ani fi tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-sab' al-mathani*. Jil.9. Bayrut: Dar al Kutub al 'Ilmiyyah.
4. Al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. 2000. *Fath al-bari sharh Sahih al-Bukhari*. Ulang Cetak. Jil.1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
5. Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2012. *Epistemologi historiografi Miskawayh di dalam tajaribal-umam*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
6. Al-Daqr, Sulaiman Muhammad. 2007. *Al-Qasas al-Qur'ani ahdafuhu wa khasa'isihi wa minhaj*. Amman: Dar al-Fadhila.
7. Hassan Ibrahim Hassan. 1987. *Sejarah Islam Siri Kedua*. Terj. Ismail Mohd Hassan. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
8. Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir. 1997. *Tafsir al-tahrir wa al-tanwir*. Jil.9. Tunis: Dar Suhnun.
9. Ibn Faris, Abi al-Husin Ahmad. 1999. *Mu'jam maqayis al-lughah*. Jil.3. Bayrut: Dar al-Jil.16
10. Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Ismacil. 1993. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil.3. al-Qahirah: al-Maktabah al-Qimah.
11. Al-Jawhari, Imam Isma'il bin Hamad. 2007. *Mu'jam al-sihhah*. Ulang Cetak. Bayrut: Dar al Ma'rifah.
12. *Kamus Dewan*. 2013. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1998. *Tafsir al-Maraghi*. Jil.6. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
13. Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad. 2013. *Pemikiran Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursi terhadap dialog peradaban*. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
14. Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Wan Kamal Mujani & Ermy Azziaty Rozali. 2016. *Dialog peradaban dan pertembungan peradaban kajian perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
15. Mohd Syahmir Alias. 2014. *Konsep saintifik dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam: analisis pemikiran Ibn Al-Haytham*. Disertasi Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
16. Mohd Syahmir Alias. 2015. *Ibn Al-Haytham pelopor konsep penyelidikan saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. Al-Qanuji, Abi Tayyib Siddiq Hassan 'Ali Husin. 1992. *Fath al-bayan fi maqasid al-Qur'an*. Jil.9. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
18. Sa'id Hawwa. 2003. *Al-Asas fi al-tafsir*. Jil.7. Ulang Cetak. al-Qahirah: Dar al-Salam.
19. Shafie Abu Bakar. 2015. *Konsep iqra', qalam, surat dan kitab*.
[http://drshafie.blogspot.my/2015/02/konsep-iqra-qalam-surat-dan kitab.html](http://drshafie.blogspot.my/2015/02/konsep-iqra-qalam-surat-dan-kitab.html)
[2 Oktober 2015]
20. Al-Suyuti, Imam Jalal al-Din 'Abd al-Rahman Ibn Abi Bakr. 2000. *Al-Dur al manthur fi al tafsir al-ma'thur*. Jil.5. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

21. Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. 2010. *Khawatir imaniyyah*. Jil.12. al-Qahirah: Dar al-Nur.
22. Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad Ibn Jarir. 2005. *Jami' al-bayan 'an ta'wil ay al Qur'an*. Jil.7. al-Qahirah: Dar al-Salam.
23. Al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-munir fi al-'aqidah wa al-syari'ah wa al-manhaj*. Jil.17. Ulang Cetak. Dimasyq: Dar al-Fikr.
24. Zulkarnain Mohamed. 2010. Al-Qur'an, Ilmu, Displin Islami dan Sastera. Dlm. Ungku Maimunah Mohd Tahir (pnyt). *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan teori & praktis*. hlm. 83-157. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.